Sekolah Wawasan diminta guna satu aliran

BH - 3 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Ahad – Penerimaan konsep Sekolah Wawasan oleh semua pihak, terutama pemimpin kaum selain mewujudkan sistem pendidikan adil untuk semua, mencerminkan sikap tolak ansur dan ketaatan kepada negara.

Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, berkata pelaksanaan sekolah itu perlu dibuat secepat mungkin bagi mempercepatkan integrasi kaum.

Abdul Rahman berkata, bagaimanapun sekolah itu harus menggunakan satu aliran dengan bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar, manakala bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

"Melalui pelaksanaan konsep satu aliran, anak kita dapat disatukan pada masa akan datang dan wujud satu bangsa Malaysia yang menerima satu sistem pendidikan.

"Kesanggupan kaum lain menerima sekolah ini mencerminkan sikap tolak ansur dan keikhlasan dalam membuktikan taat setia kepada negara," katanya ketika menghubungi *Berita Harian* di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim yang mencabar pemimpin kaum lain di negara ini menolak sistem aliran jenis kebangsaan dan menerima ikhlas pelaksanaan Sekolah Wawasan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dalam pertemuannya dengan Exco Pergerakan Pemuda Umno, Jumaat lalu, berkata pelajar Bumiputera tidak boleh terus mengharap hak keistimewaan orang Melayu dalam bidang pendidikan, sebaliknya harus menerima hakikat bahawa mereka perlu bersaing.

Sementara itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata pemimpin kaum lain tidak harus menolak konsep Sekolah Wawasan demi kepentingan negara.

Katanya, kaum lain perlu sedia berkorban dan bertolak ansur dalam penggubalan sesuatu dasar.

Katanya, jika hanya satu kaum saja merasakan dirinya diminta berkorban tanpa menerima balasan, akan timbul suasana tidak sihat yang akan menggugat perpaduan negara.

"Sebarang pembentukan dasar di negara berbilang kaum memerlukan tolak ansur dan pengorbanan bagi memastikan keputusan yang dicapai adil dan dapat diterima semua pihak.

"Kita tidak mahu timbul keadaan yang mana satu pihak diminta mengorbankan pelbagai kepentingan sedangkan pihak lain yang meminta-minta itu kurang atau langsung tidak memberi atau mengorbankan apa-apa," katanya.